

03 FEB 1999
Siasatan-Anwar
SIASATAN KECEDERAAN ANWAR TERBUKA

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Prosiding suruhanjaya bebas yang menyiasat kecederaan yang dialami bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis akan dibuka kepada orang ramai, kata seorang daripada anggota suruhanjaya itu hari ini.

Tan Sri Abu Talib Othman berkata perkara itu diputuskan oleh empat anggota suruhanjaya itu semasa mereka mengadakan perjumpaan tidak formal di sini hari ini.

"Kami sebulat suara berpendapat bahawa memandangkan pentingnya kes ini dan memandangkan fakta kes ini telah mendapat banyak perhatian dan kebimbangan, siasatan perlu dijalankan secara terbuka," kata bekas Peguam Negara itu kepada pemberita semasa ditemui di pejabatnya di sini.

Suruhanjaya itu diketuai oleh bekas Ketua Hakim Malaya Tan Sri Anuar Zainal Abidin.

Anggota lain ialah bekas Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mahadev Shankar dan bekas Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan pakar bedah ortopedik Datuk Dr Yeoh Poh Hong.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengumumkan hasil siasatan suruhanjaya itu.

Semasa mengumumkan penubuhan suruhanjaya itu pada 27 Jan, Dr Mahathir berkata dengan penubuhannya, siasatan polis terhadap kecederaan Anwar Sept lepas yang diketuai Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur SAC II Mat Zin Ibrahim akan terbatal.

Abu Talib berkata suruhanjaya telah menetapkan 22 Feb untuk memulakan siasatan "dengan syarat bahawa semua persediaan pentadbiran yang diperlukan sudah tersedia", termasuk pelantikan setiausaha suruhanjaya itu.

"Kami sudah bersedia," katanya.

Pada masa lalu (berdasarkan suruhanjaya siasatan sebelumnya), setiausaha biasanya adalah anggota pentadbiran.

Abu Talib berkata suruhanjaya itu juga memerlukan premis untuk menjalankan siasatan, seorang jurutaip, pita rakaman dan lain-lain.

"Kami berharap disediakan dengan semua kemudahan itu supaya tidak membazirkan masa," katanya.

Beliau juga berkata bahawa suruhanjaya itu sebenarnya dianggotai oleh tiga anggota panel dengan beliau mengetuai penyiasatan.

"Tugas saya ialah menyiasat dan mengetuai siasatan, bagi membantu suruhanjaya untuk mengemukakan bukti.

"Saya dalam proses menyediakan kes saya dan saya akan memanggil semua yang saya rasa dapat membantu saya untuk membentangkan kes itu kepada suruhanjaya," katanya.

Abu Talib berkata suruhanjaya itu berhak untuk memanggil mana-mana saksi yang mereka rasa dapat membantu siasatan mereka.

"Saksi-saksi perlu memberikan keterangan secara bersumpah," katanya.

Abu Talib berkata beliau telah menghubungi peguam bela utama Anwar, Raja Aziz Addruse bagi mendapatkan kenyataan penuh daripada Anwar.

Abu Talib berkata beliau akan berjumpa Anwar jika perlu.

Sabtu lepas, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memerintahkan Anwar untuk membela diri terhadap empat pertuduhan rasuah pada 8 Feb.

Abu Talib berkata beliau tidak berhasrat untuk memberikan "bukti yang tidak relevan" kepada suruhanjaya itu. "Saya percaya suruhanjaya tidak akan membenarkan saya berbuat begitu," katanya.

Katanya, bagi mereka yang terlibat dalam siasatan itu, mereka akan

dibenarkan untuk melantik peguam pilihan mereka.

Ditanya berapa cepat suruhanjaya itu dapat menyiapkan siasatannya, Abu Talib berkata tiada tempoh masa ditetapkan "tetapi kami juga tidak sabar sebagaimana orang lain iaitu kami patut menyiapkannya secepat mungkin."

Abu Talib berkata tempoh siasatan itu bergantung kepada bilangan saksi yang beliau akan panggil dan masih terlalu awal untuk menyatakan berapa ramai."

Mengenai hasil siasatan oleh suruhanjaya itu, Abu Talib berkata ia akan diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

-- BERNAMA

ES RHM MAI